

## **Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Kepada Murid Berkeperluan Khas**

### **Professionalism of Islamic Education Teachers in Teaching to Special Needs Students**

Izuli Dzulkifli, Fathiyah Mohd Fakhrudin

Department of Language Education and Humanities, Faculty of Educational Studies,  
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

Corresponding Author Email: [izuli@upm.edu.my](mailto:izuli@upm.edu.my)

**To Link this Article:** <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v14-i12/24264>

DOI:10.6007/IJARBS/v14-i12/24264

**Published Date:** 22 December 2024

#### **Abstrak**

Profesionalisme guru dalam pendidikan khas memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan pengajaran kepada murid berkeperluan khas. Dalam konteks Pendidikan Islam, cabaran untuk memenuhi keperluan pembelajaran pelajar khas memerlukan guru yang bukan sahaja berpengetahuan dalam bidang akademik, tetapi juga memiliki kemahiran pedagogi yang disesuaikan dengan pelbagai jenis ketidakupayaan. Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan profesionalisme guru Pendidikan Islam dalam konteks pendidikan khas dan peranan mereka dalam memastikan pengajaran dapat disampaikan dengan baik kepada murid. Melalui kajian literatur dan analisis kes, kertas kerja ini mengenal pasti kompetensi yang perlu dikuasai oleh guru, termasuk kemahiran komunikasi, kreativiti dalam pengajaran, serta pemahaman mendalam tentang keperluan psikologi dan emosi murid berkeperluan khas. Guru Pendidikan Islam perlu menguasai teknik pengajaran yang sesuai, seperti penggunaan alat bantu mengajar yang interaktif dan kaedah penyampaian yang mudah difahami oleh murid dengan pelbagai tahap keupayaan. Peranan guru bukan sahaja terbatas kepada penyampaian ilmu, tetapi juga sebagai pembimbing yang dapat memupuk perkembangan spiritual dan moral murid khas. Implikasi kertas kerja ini menunjukkan bahawa peningkatan profesionalisme dalam kalangan guru Pendidikan Islam amat penting untuk memperkasakan pendidikan khas di Malaysia. Kesimpulannya, guru perlu dilatih secara berterusan dalam aspek pedagogi agar mereka dapat memainkan peranan yang lebih signifikan dalam membangunkan pendidikan yang inklusif dan berkesan.

**Katakunci:** Guru Pendidikan Islam, Pendidikan Khas, Pengajaran, Profesionalisme

**Abstract**

Teacher professionalism in special education plays a crucial role in ensuring the effectiveness of instruction for special needs students. In the context of Islamic education, the challenge of meeting the learning needs of special needs students requires teachers who are not only knowledgeable in academic matters but also possess pedagogical skills based on various disabilities. This paper aims to discuss the professionalism of Islamic education teachers within the context of special education and their roles in ensuring to deliver effective teaching for students. Using a literature review and case study analysis, this paper identifies the competencies that teachers must master, including communication skills, creativity in teaching, and a deep understanding of the psychological and emotional needs of special education students. Islamic education teachers need to master appropriate teaching techniques, such as the use of interactive teaching aids and methods of delivery that are easily understood by students with diverse abilities. The role of teachers extends beyond the delivery of knowledge; but they also serve as guides who foster the spiritual and moral development of special needs students. The implications of this paper highlight that enhancing the professionalism of Islamic education teachers is essential for strengthening special education in Malaysia. In conclusion, continuous professional development in pedagogical skills is necessary for teachers to play a more significant role in promoting inclusive and effective education.

**Keywords:** Islamic Education Teachers, Special Education, Teaching, Professionalism, Teachers Roles

**Pengenalan**

Perkataan profesionalisme berasal daripada kata dasar profesion yang bermaksud pekerjaan yang memerlukan latihan khas dan kemahiran yang tinggi (Dewan, 2015). Ia membawa maksud sifat-sifat kemampuan, kemahiran dan cara pelaksanaan sesuatu perkara yang dilakukan oleh seorang profesional. Profesionalisme turut melibatkan kemahiran atau kualiti yang diperlukan oleh ahli-ahli profesional serta sifat-sifat seperti kemampuan, kemahiran, cara pelaksanaan dan sebagainya yang terdapat pada atau dilakukan oleh seseorang profesional (Caroline@Lorena& Ambotang, 2014). Profesionalisme juga berkait rapat dengan amalan kerja yang bermutu, bermoral dan beretika. Amalan kerja profesional meliputi tingkahlaku yang profesional iaitu patuh kepada keperluan etika, membuat refleksi tentang tugas serta kesungguhan untuk sentiasa belajar dan berkembang. Ia juga meliputi penglibatan aktif dalam meningkatkan profesionalisme keguruan iaitu terlibat dalam usaha menjalankan reformasi pendidikan seperti dalam amalan pengajaran. Salah satu aspek profesionalisme yang penting dalam bidang perguruan adalah kemahiran pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Ia turut ditekankan dalam Model Standard Guru Malaysia (SGM) yang digubal oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2009. Model SGM berfungsi sebagai panduan bagi mengenalpasti kualiti dan kompetensi guru dari sudut amalan profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Namun keperluan profesionalisme sebagai seorang guru dalam perkara ini mungkin sama atau berbeza dalam kalangan guru mengikut bidang pengkhususan. Dalam konteks profesionalisme keguruan, antara kemahiran yang harus dimiliki oleh guru adalah mempunyai kemahiran dalam ilmu pedagogi seperti berkebolehan menyusun rancangan mengajar, memahami objektif pengajaran dan mengetahui teknik-teknik pengajaran yang baru (Tengku Kasim & Abdurajak, 2018). Pengetahuan pedagogi isi kandungan amat penting kerana guru perlu menyampaikan

pelajaran mengikut kemampuan murid, mengenalpasti kesediaan murid, memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan tujuan dan hasil pembelajaran dan penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai.

### **Latar Belakang**

Murid berkeperluan khas (MBK) diberi kemudahan pembelajaran secara formal di sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan di sekolah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bermula di peringkat sekolah rendah melalui kurikulum Pendidikan Khas. Akta pendidikan 1996 (akta 550) seksyen 50, telah menetapkan bahawa jika sesebuah institusi pendidikan itu terdapat lima orang murid atau lebih yang menganut agama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pendidikan agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak berkuasa Negeri (Dzulkifli et al., 2021). Pendidikan Islam adalah amat penting sebagai proses pengisian jiwa atau kerohanian bagi seseorang individu di samping mendidik pelajar agar dapat menguasai ilmu, amalan dan kemahiran dalam hidup yang telah ditetapkan. Perkara ini juga penting supaya pembelajaran Pendidikan Islam dapat menyumbang ke arah pembentukan diri muslim yang berilmu, beriman, beradab dan berakhlak mulia.

Mata pelajaran Pendidikan Islam yang dipelajari oleh murid berkeperluan khas yang beragama Islam di sekolah mempunyai enam bidang utama iaitu al-Quran, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi. Bagi komponen Tilawah al-Quran terdapat kumpulan kecil iaitu bahagian bacaan, kefahaman dan hafazan (Khas, 2007). Pembelajaran Pendidikan Islam memainkan peranan penting untuk menanam nilai-nilai dan sikap hidup yang baik serta membentuk kelakuan yang bersopan santun dan hormat menghormati di antara satu dengan lain. Matlamat tersebut tidak akan tercapai sekiranya kaedah pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK) tidak sesuai kerana kesukaran yang mereka alami.

Perkembangan kurikulum pendidikan sekolah rendah di Malaysia telah berkembang seperti daripada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Manakala kurikulum bagi murid berkeperluan khas juga turut mengalami perubahan dan ditambahbaik dengan penggumbalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSR PK) pada tahun 2011 berdasarkan penempatan murid di sekolah khas, atau sekolah yang menawarkan program integrasi dan inklusif. Sejalan dengan perkembangan tersebut, seharusnya pelaksanaan pengajaran guru kepada MBK juga bertambah baik dan semakin berkualiti. Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam bagi Murid Berkeperluan Khas di Malaysia adalah berdasarkan kurikulum Pendidikan Khas yang digubal bersesuaian dengan keupayaan murid. MBK kurang upaya penglihatan menggunakan kaedah kod Braille untuk mempelajari al-Quran (Noor, 2016), manakala MBK kurang upaya pendengaran pula menggunakan bahasa isyarat atau kod tangan untuk mempelajari Pendidikan Islam. Guru yang mengajar MBK kurang upaya pendengaran menggunakan Bahasa Isyarat dan beberapa kaedah lain seperti penggunaan bahan visual untuk mengajar murid (Ntinda et al., 2019).

Seperti contoh, MBK kurang upaya pendengaran menghadapi kesukaran untuk belajar membaca, memahami dan menghafaz kerana kehilangan deria pendengaran yang merupakan salah satu daripada deria terpenting dalam penerimaan maklumat. Tahap

kehilangan deria pendengaran MBK kurang upaya pendengaran juga adalah pelbagai. Asiah (2012) tahap kehilangan pendengaran adalah pelbagai seperti ringan iaitu masih ada sedikit pendengaran, tahap sederhana pula boleh mendengar dalam jarak 1 hingga 1.5 meter. Bagi tahap sederhana teruk pula seseorang itu memerlukan suara yang dikuatkan dalam perbualan, manakala tahap teruk pula iaitu dapat mendengar bunyi yang kuat sahaja. Keupayaan yang dihadapi oleh MBK kurang upaya pendengaran untuk menerima bunyi dan menyebut terutamanya dalam bacaan al-Quran adalah terhad dan sukar akibat daripada masalah pendengaran yang mereka alami. Hal ini kerana pengajaran dan pembelajaran bidang al-Quran mempunyai ciri-ciri tersendiri berbanding bidang-bidang lain dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang lain. Pembelajaran al-Quran melibatkan kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran *fasahah*, tilawah bertajwid dan bacaan secara *tadwir* dan *tartil*. Kesemua kemahiran tersebut memerlukan keupayaan pendengaran yang baik dan jelas dari murid.

Guru yang mengajar MBK kurang upaya pendengaran perlu mempunyai kemahiran mengajar meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada murid dengan berkesan. Perkara ini memerlukan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik mengajar yang sesuai berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran-kemahiran tersebut amat penting bagi memastikan guru berupaya mengendalikan pelajaran yang tinggi mutunya agar dapat menarik perhatian murid ketika sesi pembelajaran berlangsung (Goh et al., 2017). Kesannya, guru akan berjaya memotivasikan murid dan menarik perhatian mereka supaya bersedia mengikuti pengajaran guru dengan penuh minat. Akhirnya, kandungan pelajaran dapat disampaikan kepada MBK mengikut langkah tertentu dengan bersistematik serta menepati masa pembelajaran yang ditetapkan. Selain itu, guru Pendidikan Islam perlu meningkatkan profesional sebagai guru Pendidikan Khas dengan menguasai kemahiran terkini seperti penggunaan aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), kemahiran penyelidikan, kemahiran penulisan dan pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran.

Elemen pengetahuan pedagogi kandungan adalah komponen penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Secara asasnya, guru mesti menyampaikan pelajaran mengikut kemampuan dan pencapaian akademik murid, mengenalpasti kesediaan dan kemampuan murid selaras dengan batasan kefahaman dan kehendak setiap murid. Di samping itu, guru perlu memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan hasil pembelajaran, tahap perkembangan, kematangan dan kecerdasan murid serta menggunakan bahan pengajaran, rujukan dan bahan bantu mengajar yang sesuai (Gremmen et al., 2016). Pengetahuan pedagogi kandungan menekankan keupayaan guru mengolah kefahaman pengetahuan kandungan yang disampaikan kepada pelajar, keupayaan guru mempelbagaikan kaedah pengajaran yang sesuai agar mudah difahami pelajar dan kefahaman guru terhadap ciri-ciri dan kebolehan pelajar (Elhoshi et al., 2017). Sehubungan itu, guru perlu berkemampuan untuk melaksanakan pengajaran Pendidikan Islam yang mencakupi bidang al-Quran, akidah, sirah, ibadah dan juga akhlak. Hal ini kerana setiap bidang ilmu ini mempunyai kandungan yang berbeza antara satu sama lain dan metodologi yang berbeza.

Persoalannya adakah guru-guru telah didedahkan dengan metodologi yang sesuai dengan keperluan kepelbagaian metodologi pengajaran yang berbeza? Hal Penyampaian isi kandungan perlu dilaksanakan dengan sebaiknya supaya dapat membentuk kefahaman dan

penghayatan serta murid dapat mengaitkan pelajaran dengan konteks kehidupan yang sebenar. Latihan atau kursus yang dijalankan pada peringkat pra perkhidmatan atau dalam perkhidmatan perlu memberikan pendedahan dan latihan berterusan berkaitan aspek pengetahuan pedagogi kandungan bidang-bidang Pendidikan Islam. Oleh yang demikian, keperluan untuk guru mendapat kursus, latihan, menjalankan penyelidikan dalam bidang pendidikan, mencipta inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran dan menerbitkan bahan-bahan penulisan perlu diberi perhatian. Hal ini dapat dilakukan melalui penyediaan dana yang mencukupi di samping kemudahan penerbitan dan penyelidikan dengan mengambilkira bebanan guru dari segi pengurusan, pentadbiran serta pengajaran dan pembelajaran.

### **Penyataan Masalah**

Kelayakan seseorang untuk mengajar juga adalah penting dan menjadi tumpuan khusus dalam pendidikan khususnya sebagai guru Pendidikan Islam. Tugas mengajar Pendidikan Islam kepada MBK yang mengalami pelbagai ketidakupayaan tidak boleh diambil mudah dan dipandang ringan. Guru Pendidikan Islam bukan sekadar memiliki latar belakang ikhtisas, kemahiran kandungan pembelajaran dan menguasai kemahiran pedagogi, bahkan juga perlu memiliki keperibadian yang baik (Murihah et al., 2018). Oleh itu, tidak semua guru dari opsyen Pendidikan Islam dikira layak mengajar MBK di Pendidikan Khas, dan tidak semua guru dari opsyen Pendidikan Khas dikira layak mengajar MBK dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Perkara ini akan menimbulkan sedikit kekurangan dalam profesionalisme sebagai seorang guru yang mengajar MBK, iaitu guru Pendidikan Islam hanya menguasai kemahiran kandungan pembelajaran tetapi tidak menguasai kemahiran pedagogi.

Selain itu juga, timbul isu bagaimanakah guru Pendidikan Islam yang bukan dilatih dalam Pendidikan Khas dapat menguruskan sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam tanpa penguasaan dalam bidang tersebut. Huzairi (2017), ke atas empat (4) orang Guru Pendidikan Islam di sebuah sekolah menengah pendidikan khas masalah pendengaran mendapati dua (2) orang adalah daripada opsyen pendidikan khas, manakala dua (2) orang adalah daripada opsyen Pendidikan Islam. Guru-guru perlu diberikan latihan yang berterusan supaya mampu menyampaikan ilmu dengan berkesan kepada murid. Keupayaan guru dalam bidang Pendidikan Khas bagi mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam sangat penting kerana kebanyakan guru mempunyai latar belakang bidang pengkhususan pengajian yang berbeza semasa di peringkat pengajian tinggi atau di universiti. Terdapat guru-guru pendidikan Islam yang mempunyai pengkhususan dalam bidang Bahasa Arab, Syariah, Usuluddin, Dakwah, Tafsir, Tamadun Islam dan al-Quran. Oleh yang demikian, walaupun sebahagian guru-guru ini mempunyai kelebihan dalam satu bidang ilmu, tetapi dalam pada masa yang sama mereka mempunyai kekurangan dalam bidang yang lain.

Sehubungan itu, guru perlu meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran pengajaran terutamanya pengetahuan pedagogi isi kandungan dan pedagogi umum bagi melaksanakan pengajaran (Noor, 2016). Hal ini bagi memastikan pengajaran dapat disampaikan dengan berkesan terhadap MBK kurang upaya pendengaran. Bagi menghasilkan pengajaran berkesan, aspek yang perlu ada pada seseorang guru ialah aspek psikologi dan profesional. Aspek psikologi biasanya dikaitkan dengan kemahiran guru memotivasikan murid untuk terus berminat untuk belajar. Aspek profesional pula biasanya dikaitkan dengan kemahiran mengajar yang ada pada seseorang guru (Noriati et al., 2010). Pengajaran berkesan juga amat berkait rapat dengan kemahiran guru mengajar dengan mengaplikasikan pelbagai

kaedah pengajaran yang memudahkan pemahaman murid dan menanam minat untuk belajar dalam kalangan murid.

### **Profesion Guru Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Khas**

Dalam konteks profesionalisme perguruan, antara kemahiran yang harus dimiliki oleh guru adalah kemahiran dalam ilmu pedagogi seperti berkebolehan menyusun rancangan mengajar, memahami objektif pengajaran dan mengetahui teknik-teknik pengajaran yang baru (Jamila et al., 2012; Su Ling et al., 2020). Namun, adakah guru Pendidikan Islam telah berusaha dan diberi peluang untuk mempertingkatkan pengetahuannya sama ada dalam bidang yang diajarnya ataupun cara dia mengajar ilmu tersebut?. Perkara ini sangat penting kerana Guru Pendidikan Islam yang mengajar MBK harus mempunyai kelayakan dan bakat atau seni mengajar dan mampu mengubah suai pengajaran mengikut kebolehan murid. Hal ini juga disebabkan MBK mengikuti pembelajaran dan kurikulum Pendidikan Khas yang berbeza dengan aliran perdana. Tambahan pula MBK yang mempunyai pelbagai ketidakupayaan mempunyai latar belakang dan ciri-ciri berbeza antara satu sama lain.

Guru yang mengajar Pendidikan Islam bukan sekadar memiliki kelayakan akademik, bahkan guru juga perlu mahir tentang cara yang sesuai untuk menyampaikan isi kandungan pelajaran tersebut (Syaubari & Yunus, 2017). Hal ini kerana murid berkeperluan khas memerlukan strategi, kaedah, pendekatan dan teknik pengajaran yang sesuai mengikut kategori kurang upaya yang dialami. Perancangan dan pengajaran guru yang berkesan dapat dilihat melalui strategi, kaedah, pendekatan, teknik dan aktiviti pengajaran yang sesuai dengan keupayaan murid. Persekitaran pembelajaran yang memerlukan komunikasi yang sesuai, susun atur murid dan rangsangan pembelajaran dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menggalakkan bagi murid. Abol (2023), bahawa model gaya pembelajaran visual, auditori dan kinestetik (VAK) boleh memberi pengalaman pembelajaran yang berkesan dan memenuhi kepelbagaian keperluan murid terutamanya bagi murid berkeperluan khas.

Profesionalisme perguruan sentiasa dititikberatkan dalam sistem pendidikan kebangsaan bagi memastikan pengajaran guru dapat disampaikan secara optimum kepada murid (Siraj et al., 2023). Bagi mencapai hasrat tersebut, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggubal sebuah standard iaitu Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) pada 2010. Namun demikian, standard keguruan tersebut digubal semula pada 2016 yang dikenali sebagai Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2). SKPMg2 merupakan penggubalan semula SKPM 2010 dengan penambahbaikan dan peningkatan kualiti profesionalisme keguruan pada beberapa standard seperti aspek kepimpinan, pengurusan organisasi, pengurusan kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal murid, pembelajaran dan pemudahcaraan dan kemenjadian murid. Di antara standard yang telah ditetapkan dalam SKPMg2 ialah Standard Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang menekankan peranan guru sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong, penilai dan murid sebagai pembelajar aktif dalam pembelajaran dan pengajaran yang berkesan untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dan pencapaian murid pada tahap optimum secara berterusan.

**Ciri Guru Pendidikan Islam Abad Ke-21**

Peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam Pendidikan Islam bagi murid-murid khas penting bagi memastikan murid mendapat akses kepada pendidikan yang inklusif dan efektif bersesuaian dengan tahap keupayaan masing-masing. Menurut Ibnu Khaldun (2023), guru perlu menyesuaikan pengajaran mereka mengikut tahap perkembangan dan kemampuan murid. Guru juga disarankan untuk menyampaikan pengajaran kepada murid secara berperingkat dan beransur-ansur, bermula dengan topik yang asas dan berkembang kepada topik yang lebih mendalam. Ini bermakna guru perlu peka terhadap perbezaan antara murid supaya keperluan pembelajaran mereka dapat dipenuhi dengan baik. Kementerian Pendidikan Malaysia (Institut Aminuddin Baki, 2017) telah menjelaskan ciri guru Abad ke-21 termasuklah guru Pendidikan Islam (Rajikal & Hamzah, 2020) yang mengajar murid pendidikan khas adalah seperti rajah berikut.

| Ciri Guru Abad Ke-21                   |                                         |                                                   |                                 |                               |                                |
|----------------------------------------|-----------------------------------------|---------------------------------------------------|---------------------------------|-------------------------------|--------------------------------|
| Menguasai subjek (kandungan kurikulum) | Mahir dan berketrampilan dalam pedagogi | Memahami perkembangan murid dan menyayangi mereka | Memahami psikologi pembelajaran | Memiliki kemahiran kaunseling | Menggunakan teknologi terkini. |

Rajah 1: Ciri-ciri Guru Abad Ke-21 (Institut Aminuddin Baki, 2017)

Terdapat enam ciri utama yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi guru abad ke-21 di Malaysia. Enam ciri ini penting bagi membentuk sistem pendidikan moden yang relevan dengan peredaran masa. Setiap ciri ini memainkan peranan penting, termasuklah dalam sistem pendidikan khas. Berikut adalah huraian bagi setiap ciri serta kepentingannya dalam konteks pendidikan khas:

***Menguasai Subjek***

Menguasai subjek adalah keupayaan guru untuk memahami kandungan bidang pengajaran mereka dengan mendalam, termasuk konsep-konsep asas, hubungan antara topik, dan bagaimana mengaplikasikannya dalam konteks pembelajaran Pendidikan Islam. Guru yang menguasai sesuatu subjek bukan sahaja mampu menyampaikan pengetahuan dengan jelas, tetapi juga dapat menjelaskan konsep secara mendalam, menjawab soalan yang sukar, serta menyediakan contoh yang relevan dan berkaitan dengan kehidupan seharian pelajar.

Penguasaan subjek yang mendalam membolehkan guru menyesuaikan pengajaran kepada keperluan pelajar yang berbeza, meningkatkan pemahaman dan prestasi akademik mereka. Bahkan, guru yang mahir dalam subjek juga lebih bersedia menggunakan strategi pedagogi yang efektif dan fleksibel, seperti menerangkan topik dari pelbagai sudut pandangan atau menjelaskan kesukaran yang mungkin timbul semasa proses pembelajaran (Ruth, 2020). Hal ini juga dapat membantu pelajar mengembangkan pemahaman yang lebih kukuh terhadap kandungan pembelajaran, meningkatkan penglibatan mereka dan mendorong pembelajaran yang lebih mendalam. Tambahan pula, kajian menunjukkan bahawa pelajar yang diajar oleh guru yang menguasai subjek menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam ujian akademik, terutama dalam sesuatu subjek atau mata pelajaran (Benita & Matos, 2021). Guru yang mempunyai latar belakang pendidikan yang kuat dalam subjek tersebut boleh memberikan contoh yang konkrit, mengaitkan teori dengan aplikasi praktikal dan memperkenalkan konsep-konsep lanjutan yang relevan dengan masa depan pelajar.

Justeru, penguasaan subjek penting untuk memupuk keyakinan guru dalam pengajaran. Guru yang tidak cukup menguasai subjek mungkin bergantung kepada nota atau bahan luaran tanpa kebolehan untuk menjawab soalan secara spontan atau mendalam (Machost & Stains, 2023). Ini boleh menjejaskan kualiti pengajaran dan keyakinan pelajar terhadap kemampuan guru.

#### *Mahir dan Berketerampilan Dalam Pedagogi*

Mahir dan berketerampilan dalam pedagogi merujuk kepada keupayaan guru untuk menggunakan teknik pengajaran dan strategi yang berkesan dalam menyampaikan pembelajaran kepada murid (Razak et al., 2023). Dalam konteks pendidikan khas, kemahiran pedagogi yang tinggi adalah penting untuk memenuhi keperluan unik murid yang berbeza dari segi kemampuan dan cara belajar. Guru perlu menguasai pelbagai pendekatan pedagogi, termasuk pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran berasaskan projek, dan strategi pengajaran yang berbeza untuk mengadaptasi kepada keperluan setiap murid.

Mahir dalam pedagogi bukan sahaja terletak pada penguasaan teknik pengajaran, tetapi juga pada pemahaman terhadap perkembangan dan psikologi pembelajaran murid. Guru yang mahir mampu mengenal pasti gaya pembelajaran dan motivasi pelajar mereka, serta mencipta persekitaran pembelajaran yang positif. Dalam pengajaran murid berkeperluan khas, kemahiran pedagogi juga termasuk penggunaan alat bantu mengajar dan sumber pembelajaran yang dapat membantu murid memahami konsep yang diajarkan dengan lebih baik. Berketerampilan dalam pedagogi juga meliputi kemampuan untuk beradaptasi dengan perubahan dalam pendidikan, termasuk penggunaan teknologi pendidikan dan pendekatan baru seperti pembelajaran dalam talian. Di era pasca pandemik, pendekatan inovatif dalam pedagogi menjadi lebih penting, di mana guru perlu mengintegrasikan aplikasi teknologi maklumat untuk memudahkan proses pembelajaran (Rajikal & Hamzah, 2020). Dengan menguasai teknik pengajaran yang berkesan, dapat membantu guru dalam meningkatkan pencapaian akademik dan sosial murid pendidikan khas.

#### *Memahami perkembangan murid dan menyayangi mereka*

Memahami perkembangan murid dan menunjukkan kasih sayang adalah dua elemen yang saling melengkapi dalam pendidikan. Memahami perkembangan murid adalah aspek penting

dalam pendidikan khas yang membolehkan guru mengadaptasi pendekatan pengajaran yang sesuai dengan keperluan unik setiap murid. Pemahaman ini meliputi pengetahuan tentang tahap-tahap perkembangan fizikal, kognitif, sosial, dan emosi murid, serta bagaimana faktor-faktor ini mempengaruhi pembelajaran mereka. Guru yang memahami perkembangan murid dapat mengenal pasti keperluan khusus, seperti sokongan tambahan yang mungkin diperlukan oleh murid dengan keperluan khas (Iywon & Nasri, 2020). Misalnya, dalam konteks pembelajaran, pemahaman mengenai kemampuan kognitif murid dapat membantu guru merancang aktiviti yang mencabar tetapi masih dapat dicapai, merangsang minat dan motivasi mereka. Selain itu, guru juga harus memahami aspek perkembangan sosial dan emosi, yang dapat mempengaruhi interaksi murid dalam kelas.

Guru yang menunjukkan rasa sayang dan perhatian kepada murid dapat membina ikatan hubungan yang kuat, yang seterusnya meningkatkan motivasi dan prestasi akademik murid. Hal ini kerana pelajar yang merasakan bahawa guru mereka peduli akan lebih terlibat secara aktif dalam pembelajaran mereka dan menunjukkan ketahanan yang lebih tinggi dalam pembelajaran. Dalam konteks pendidikan khas, pemahaman tentang perkembangan murid sangat kritikal kerana setiap murid mempunyai keperluan yang unik, dan guru perlu menyesuaikan pendekatan pengajaran mereka untuk memenuhi keperluan tersebut. Melalui perhatian dan empati, guru dapat memberikan sokongan yang diperlukan untuk membantu murid khas mencapai potensi penuh mereka. Penglibatan aktif dalam kehidupan murid, termasuk memahami latar belakang dan ketidakupayaan mereka, menjadikan pengajaran lebih relevan dan berkesan (Razak et al., 2023).

#### *Memahami Psikologi Pembelajaran*

Memahami psikologi pembelajaran adalah penting dalam pendidikan khas, di mana guru perlu memahami bagaimana murid berbeza dalam cara mereka belajar. Psikologi pembelajaran mengkaji proses mental yang terlibat dalam pembelajaran, termasuk bagaimana murid menyerap, memproses, dan menyimpan maklumat. Perkara ini melibatkan beberapa teori utama seperti behaviorisme, kognitivisme dan konstruktivisme yang masing-masing memberikan pandangan berbeza tentang cara murid belajar dan berinteraksi dengan persekitaran mereka (Saidi, 2022).

Behaviorisme menekankan pengaruh rangsangan dan tindak balas dalam pembelajaran, di mana guru menggunakan pengukuhan positif dan negatif untuk membentuk tingkah laku murid. Sementara itu, kognitivisme menganggap proses mental yang lebih kompleks, dengan menekankan pentingnya pemikiran, ingatan, dan motivasi dalam pembelajaran. Teori ini menunjukkan bahawa murid tidak hanya menerima maklumat tetapi juga membina pengetahuan berdasarkan pengalaman dan pemahaman mereka sendiri. Konstruktivisme pula menekankan bahawa murid membina pengetahuan melalui pengalaman sosial dan interaksi. Dalam konteks pendidikan khas, pemahaman psikologi pembelajaran membolehkan guru menyesuaikan pendekatan pengajaran mereka untuk memenuhi keperluan khusus setiap murid. Ini termasuk pengenalan kepada strategi pengajaran yang berbeza, penglibatan murid dalam aktiviti, penyesuaian kurikulum berdasarkan keupayaan dan gaya belajar murid (Hinduja, 2021). Secara keseluruhannya, pemahaman mendalam tentang psikologi pembelajaran memberi guru alat dan strategi untuk mencipta persekitaran pembelajaran yang inklusif dan berkesan, yang penting bagi kejayaan pelajar dalam pendidikan khas.

### *Kemahiran Kaunseling dalam Pendidikan Khas*

Kemahiran kaunseling merupakan aspek penting dalam pendidikan khas yang membantu guru menyokong perkembangan sosial, emosi, dan akademik murid berkeperluan khas. Dalam konteks pendidikan khas, guru Pendidikan Islam perlu memiliki keupayaan untuk memahami dan berinteraksi dengan murid yang berbeza keupayaan dan cabaran. Ini termasuk kemahiran mendengar secara aktif, empati, dan memberi sokongan yang sesuai (Murihah et al., 2018).

Kemahiran kaunseling membolehkan guru mengenalpasti isu-isu yang mungkin dihadapi oleh murid seperti tekanan emosi, kesukaran dalam pembelajaran, atau masalah sosial. Melalui sesi kaunseling, guru dapat memberikan bimbingan dan strategi yang sesuai untuk membantu murid mengatasi cabaran ini. Selain itu, kemahiran ini membantu dalam membina hubungan yang positif antara guru dan murid, seterusnya mencipta persekitaran pembelajaran yang selamat. Pengintegrasian kemahiran kaunseling dalam pengajaran pendidikan khas juga memberikan impak positif terhadap penglibatan murid. Dengan menggunakan pendekatan kaunseling, guru dapat merangsang motivasi murid untuk belajar dan meningkatkan keyakinan diri mereka (Benita & Matos, 2021). Oleh itu, kemahiran kaunseling bukan sahaja membantu dalam pengajaran akademik tetapi juga menyokong perkembangan holistik murid berkeperluan khas.


### *Menguasai Teknologi dalam Pendidikan*

Menguasai teknologi merujuk kepada keupayaan guru dan murid untuk menggunakan pelbagai alat dan platform digital dalam proses pembelajaran. Dalam konteks pendidikan khas, penguasaan teknologi adalah penting untuk menyediakan pembelajaran yang lebih berkesan terutamanya bagi murid berkeperluan khas. Penggunaan teknologi seperti perisian pembelajaran, aplikasi interaktif dan alat multimedia dapat meningkatkan penglibatan murid. Selain itu, teknologi membolehkan akses kepada maklumat yang lebih luas dan alat untuk membangun kemahiran kritikal seperti pemikiran analitikal dan penyelesaian masalah.

Satu kajian oleh McKinsey & Company (2021), menunjukkan bahawa penggunaan teknologi dalam bilik darjah berpotensi untuk meningkatkan hasil pembelajaran, terutamanya jika teknologi digunakan secara strategik dan sesuai dengan keperluan murid. Oleh itu, penguasaan guru pendidikan Islam terhadap teknologi bukan hanya tentang penggunaan alat, tetapi tentang memahami bagaimana teknologi dapat meningkatkan proses pembelajaran dan membantu murid mencapai matlamat pembelajaran.

### **Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pengajaran**

Tugas guru yang utama adalah sebagai pemudah cara dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dan pencapaian murid pada tahap optimum secara berterusan. Terdapat beberapa peranan yang perlu dimainkan oleh seorang guru dalam pengajaran iaitu guru sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong, penilai dan melibatkan murid sebagai pembelajar aktif seperti dalam rajah berikut:



Rajah 2: Peranan Guru Dalam Standard Pembelajaran dan Pemudahcaraan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017)

#### *Guru Sebagai Perancang*

Bagi mencapai standard guru sebagai Perancang, guru Pendidikan Islam perlu memastikan kesediaan dan persediaan rapi dalam melaksanakan Pembelajaran dan Pemudahcaraan semasa dalam bilik darjah (Kamaruddin & Andi, 2018). Guru juga perlu merancang pelaksanaan pengajaran secara profesional dan sistematik seperti menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH), menentukan kaedah pentaksiran, menyediakan sumber pendidikan, menetapkan bilik/ruang sebagai tempat pembelajaran, mengikut keupayaan murid dan peruntukan masa yang mencukupi. Perancangan yang teliti memastikan penggunaan masa yang optimum semasa sesi pengajaran. Guru yang merancang dengan baik dapat memastikan bahawa bahan pengajaran, seperti buku teks, alat bantu mengajar, dan teknologi, digunakan dengan berkesan untuk menyampaikan isi pelajaran secara teratur dan berkesan. Ini juga mengurangkan kemungkinan berlaku kelewatan atau masalah dalam proses pembelajaran.

Perancangan ini juga merangkumi penyediaan aktiviti pembelajaran, penyusunan isi kandungan, penggunaan sumber pengajaran, serta kaedah penilaian yang sesuai. Guru perlu memahami keperluan dan tahap pelajar untuk merangka strategi pengajaran yang boleh memaksimumkan potensi mereka. Peranan guru sebagai perancang juga termasuk dalam mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran. Ikbai (2023), teknologi dapat memperkayakan pembelajaran melalui pelbagai aplikasi seperti alat pembelajaran dalam talian atau video pendidikan yang membolehkan guru mencipta pembelajaran yang interaktif dan menarik.

Guru yang berkesan akan merancang pelajaran dengan mengambil kira kepelbagaian pelajar dari segi tahap kemampuan, gaya pembelajaran dan latar belakang sosioekonomi. Hal

ini penting agar setiap pelajar dapat mencapai hasil pembelajaran yang optimum melalui pelbagai pendekatan pedagogi yang sesuai.

### *Guru Sebagai Pengawal*

Guru bertindak sebagai Pengawal pelaksanaan pengajaran untuk memastikan kelancaran proses pembelajaran mengikut perancangan dan perlu mengawal proses pembelajaran secara terancang (Saripudin & Komalasari, 2015). Bagi mencapai standard tersebut guru Pendidikan Islam bukan sahaja mengelola isi pelajaran dan peruntukan masa serta memberi peluang kepada penyertaan aktif murid dengan menepati objektif pelajaran dan mengikut keupayaan murid, tetapi guru turut berperanan mengawal suasana pembelajaran secara profesional dan terancang dengan mengawasi komunikasi dan perlakuan murid, menyusun atur kedudukan murid dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyenangkan secara berhemah.

Peranan ini melibatkan guru menguruskan tingkah laku murid terutamanya murid berkeperluan khas masalah pembelajaran dengan menyusun aktiviti dan memberi arahan yang jelas agar objektif pembelajaran tercapai. Sebahagian murid mungkin lebih berkesan dengan arahan lisan, manakala yang lain lebih responsif kepada aktiviti visual atau kinestetik. Dengan mengekalkan kawalan dan bersikap fleksibel terhadap pendekatan pengajaran, guru dapat mencipta persekitaran pembelajaran yang memenuhi keperluan pelajar yang pelbagai (Nagler, 2016).

Sebagai pengawal, guru perlu memberikan bimbingan dan memastikan disiplin murid di tahap yang baik dengan menjelaskan peraturan yang jelas semasa di dalam kelas. Apabila murid memahami batasan dan had perlakuan yang dibenarkan, mereka akan cenderung untuk kekal fokus pada pembelajaran. Teknik seperti bergerak di sekitar kelas, memerhati tingkah laku murid, dan campur tangan awal oleh guru dapat mengekalkan persekitaran pembelajaran yang produktif.

### *Guru Sebagai Pembimbing*

Peranan seterusnya adalah guru sebagai Pembimbing; di mana guru Pendidikan Islam bertindak sebagai pembimbing untuk membantu murid menguasai pengetahuan, kemahiran dan mengamalkan nilai berdasarkan objektif pelajaran. Jadi, timbul persoalan bagaimanakah guru Pendidikan Islam yang baru berkhidmat dalam Pendidikan Khas membimbing murid secara profesional dan terancang? Perkara ini perlu diberi perhatian agar guru dapat memberi tunjuk ajar dalam menguasai isi pelajaran dan kemahiran, memandu murid membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Bahkan guru perlu menggunakan sumber pendidikan dan menggabungkan isi pelajaran dengan kemahiran mata pelajaran lain mengikut keperluan dan keupayaan murid.

Oleh yang demikian, guru Pendidikan Islam berperanan dalam memberikan bimbingan serta sokongan yang diperlukan oleh murid-murid ini untuk memahami dan menguasai pelajaran dengan lebih baik. Murid berkeperluan khas memerlukan pendekatan yang lebih spesifik, di mana guru perlu bersikap lebih fleksibel dan kreatif dalam membimbing mereka melalui kaedah pengajaran yang disesuaikan dengan keperluan individu. Langkah pertama yang perlu dimainkan oleh guru dalam memberi bimbingan adalah dengan membina hubungan yang positif dengan murid. Hal ini kerana interaksi ini penting untuk mengekalkan

motivasi dan tumpuan murid dalam pembelajaran. Menurut kajian Gyasi et al., (2020) membina hubungan yang kukuh dengan murid berkeperluan khas adalah langkah pertama dalam memastikan mereka berasa selamat dan disokong, yang seterusnya membolehkan mereka belajar dengan lebih baik.

Selain itu, guru sebagai pembimbing perlu membantu murid mengatasi cabaran pembelajaran dengan menyediakan strategi pengajaran yang berbeza seperti pecahan tugas yang lebih kecil, penggunaan alat bantu visual dan mengadakan pemeriksaan secara berkala untuk memastikan murid berada di landasan yang betul (Byrd & Alexander, 2020). Ini adalah penting kerana murid berkeperluan khas sering menghadapi kesukaran dalam pembelajaran secara sendiri, dan memerlukan sokongan yang berterusan. Peranan guru sebagai pembimbing juga melibatkan membantu murid mengurus emosi dan tingkah laku mereka dalam persekitaran pembelajaran. Guru yang memberi perhatian kepada aspek sosial dan emosi murid dan berinteraksi secara positif, dapat membantu meningkatkan keupayaan pembelajaran mereka.

Secara keseluruhan, guru memainkan peranan kritikal dalam membimbing murid berkeperluan khas, bukan sahaja dalam aspek akademik, tetapi juga dalam aspek emosi dan sosial mereka.

#### *Guru Sebagai Pendorong*

Peranan guru sebagai pendorong dalam pengajaran kepada murid berkeperluan khas sangat penting kerana murid-murid ini memerlukan dorongan tambahan untuk menghadapi cabaran pembelajaran mereka. Guru sebagai Pendorong iaitu guru bertindak sebagai pendorong untuk meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran. Dalam hal ini, guru Pendidikan Islam perlu mendorong minda murid melaksanakan aktiviti pembelajaran secara terancang dengan cara merangsang murid berkomunikasi dan berkolaboratif, mengemukakan soalan yang menjurus kepada pemikiran kritis dan kreatif dan membuat keputusan atau menyelesaikan masalah, mewujudkan peluang untuk murid memimpin dan mengemukakan soalan berkaitan isi pelajaran serta memperoleh pengetahuan dan kemahiran secara sendiri berdasarkan objektif pelajaran, mengikut keupayaan murid dan secara berterusan (Prakash, 2016). Selain itu juga guru berperanan mendorong emosi murid melaksanakan aktiviti pembelajaran secara terancang dengan memberi pujian, galakan, penghargaan dan keyakinan.

Guru sebagai pendorong juga bertindak untuk memotivasikan murid dengan mengenal pasti keperluan individu serta membina keyakinan diri mereka dalam pembelajaran. Murid berkeperluan khas sering menghadapi kesukaran dalam pembelajaran disebabkan oleh kekurangan fizikal, kognitif, atau emosi, dan guru yang peka terhadap hal ini dapat memberikan sokongan emosi yang membantu murid berasa diterima dan bersemangat untuk belajar. Salah satu faktor yang mendorong keberkesanan pengajaran ialah keupayaan guru untuk mewujudkan hubungan yang positif dengan murid dan memberi galakan berterusan (Donnelly et al., 2022). Guru yang bertindak sebagai pendorong tidak hanya memberi sokongan dari segi akademik, tetapi juga memperkasakan murid melalui pengiktirafan pencapaian mereka, walaupun kecil. Perkara ini dapat membantu meningkatkan motivasi intrinsik murid untuk belajar dalam kalangan murid berkeperluan khas yang sering berdepan dengan cabaran yang lebih besar.

Motivasi dalam kalangan murid berkeperluan khas sering dikaitkan dengan keupayaan guru untuk menyediakan persekitaran yang menyokong, di mana murid merasa selamat untuk mencuba dan belajar dari kesilapan mereka tanpa rasa takut akan kegagalan. Kajian mendapati bahawa murid yang mendapat dorongan positif dari guru lebih cenderung menunjukkan peningkatan dalam pencapaian akademik dan sosial mereka (Donnelly et al., 2022). Secara keseluruhannya, guru sebagai pendorong memainkan peranan penting dalam membantu murid berkeperluan khas mencapai potensi mereka dengan mencipta suasana yang menyokong dan memotivasi pembelajaran berterusan

#### *Guru sebagai Penilai*

Guru memainkan peranan penting sebagai penilai dalam proses pengajaran kepada murid berkeperluan khas. Penilaian yang dijalankan oleh guru bukan hanya bertujuan untuk menilai pencapaian akademik, tetapi juga untuk memahami keperluan individu setiap murid. Dalam konteks ini, guru Pendidikan Islam perlu melaksanakan penilaian yang berbeza dan kreatif, mengambil kira pelbagai cara dan kaedah bagi memenuhi keperluan murid dengan pelbagai jenis kecacatan atau keperluan khas. Aspek guru sebagai penilai adalah penting untuk mengesan tahap penguasaan murid. Dalam hal ini, guru perlu melaksanakan penilaian secara sistematik dan terancang dengan menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran, menjalankan aktiviti pemulihan dan pengayaan, membuat refleksi serta menyemak hasil kerja murid berdasarkan objektif pelajaran (Lewis, 2014).

Penilaian berasaskan formatif adalah salah satu pendekatan yang boleh digunakan oleh guru. Dengan memberikan maklum balas secara berkala, guru dapat membantu murid memahami kekuatan dan kelemahan mereka, serta memberi dorongan untuk meningkatkan pembelajaran. Penilaian ini bukan hanya tertumpu pada keputusan ujian, tetapi juga melibatkan observasi, projek dan tugas praktikal yang membolehkan murid menunjukkan kemahiran mereka dalam pelbagai cara (Gordon, 2021). Selain itu, penilaian juga boleh melibatkan kerjasama dengan ibu bapa dan pakar pendidikan khas lain untuk merangka pelan pembelajaran individu yang sesuai.

Oleh itu, peranan guru sebagai penilai adalah sangat penting dalam memastikan murid berkeperluan khas dapat mencapai potensi mereka. Dengan penilaian yang tepat dan berkesan, guru bukan sahaja membantu dalam proses pembelajaran tetapi juga dalam perkembangan sosial dan emosional murid, menjadikan mereka lebih bersedia untuk menghadapi cabaran dalam kehidupan seharian.

#### *Murid Sebagai Pembelajar Aktif*

Guru turut berperanan dalam memastikan Murid sebagai Pembelajar Aktif; iaitu murid bertindak sebagai pembelajar aktif untuk menguasai pengetahuan dan kemahiran serta mengamalkan nilai positif (Odom & Bell, 2015). Dalam hal ini, peranan guru Pendidikan Islam adalah memastikan murid perlu melibatkan diri dalam proses pembelajaran secara berkesan dengan cara memberi respons, berkomunikasi dan melaksanakan aktiviti secara kolaboratif, berpemikiran kritis dan kreatif, mengemukakan soalan, menyelesaikan masalah dan mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan berdasarkan objektif pelajaran, secara aktif, yakin dan berhemah.

Dalam konteks pendidikan khas, peranan guru Pendidikan Islam dalam melibatkan murid sebagai pembelajar aktif adalah penting untuk mencapai hasil pembelajaran yang efektif. Guru berfungsi sebagai fasilitator, menggalakkan interaksi dan kolaborasi antara murid dalam proses pembelajaran. Melibatkan murid secara aktif membolehkan mereka mengambil bahagian dalam pengajaran, yang seterusnya meningkatkan motivasi dan minat mereka terhadap subjek yang diajar. Penglibatan dalam strategi pembelajaran aktif telah terbukti meningkatkan hasil pembelajaran secara signifikan berbanding kaedah pengajaran tradisional yang lebih berfokus kepada penyampaian maklumat secara pasif.

Murid berkeperluan khas memerlukan pendekatan pembelajaran yang lebih interaktif untuk memahami konsep dengan lebih mendalam. Oleh itu, guru perlu merancang aktiviti yang membolehkan murid berinteraksi dengan bahan pembelajaran serta rakan sekelas mereka. Contohnya, pengajaran melalui permainan, perbincangan kumpulan, dan projek kolaboratif adalah antara pendekatan yang boleh digunakan. Pendekatan ini bukan sahaja dapat membantu murid memahami pelajaran, tetapi juga dapat membina kemahiran sosial dan meningkatkan keyakinan diri mereka dalam berkomunikasi.

Dalam pelaksanaan pengajaran, guru juga harus memberi perhatian kepada kepelbagaian keperluan dan tahap kemampuan murid. Dengan memahami perbezaan ini, guru dapat mencipta suasana pembelajaran yang inklusif dan menyokong semua murid untuk menyertai proses pembelajaran dengan cara yang sesuai dengan keupayaan mereka (Molina et al., 2021). Perkara ini bukan hanya memberi manfaat kepada murid berkeperluan khas tetapi juga memberi pengalaman pembelajaran bagi semua pelajar dalam kelas. Justeru, penglibatan murid sebagai pembelajar aktif dalam pengajaran adalah kunci untuk memupuk suasana pembelajaran yang dinamik dan positif.

Oleh yang demikian, dalam memastikan matlamat pengajaran Pendidikan Islam kepada Murid Berkeperluan Khas tercapai, kelayakan akademik, pengetahuan pedagogi, pengetahuan psikologi MBK serta kursus atau latihan guru perlu dititik beratkan dalam Pendidikan Khas di Malaysia. Kelayakan khusus dan kemahiran dalam profesion sebagai guru yang mengajar Pendidikan Islam bagi MBK kurang upaya pendengaran juga merupakan antara faktor yang menentukan keberkesanan pengajaran.

### **Penutup**

Guru Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas perlu mendapat program, latihan atau kursus yang mencukupi untuk mengajar murid berkeperluan khas. Hal ini disebabkan sebahagian mereka adalah dari opsyen Pendidikan Khas, namun ditugaskan mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dan sebaliknya. Sedangkan untuk menjadi Guru Pendidikan Islam bagi murid berkeperluan khas, seseorang itu mestilah mempunyai kelayakan khusus seperti berkelulusan dalam bidang Pendidikan Islam berserta bidang Pendidikan Khas. Begitu juga, pelbagai pengetahuan dan kemahiran perlu diterapkan kepada guru tersebut seperti kemahiran pedagogi, pengetahuan psikologi murid, kemahiran pengurusan bilik darjah dan komunikasi seperti penggunaan bahasa isyarat perlu diberi perhatian. Hasil kajian ini juga dijangka dapat menambah baik profesionalisme guru tersebut dengan merangka program, kursus dan latihan berkala yang sesuai, seterusnya meningkatkan kompetensi pengajaran guru Pendidikan Islam dalam bidang Pendidikan Khas.

## Rujukan

- Abol, M. T. (2023). Keperluan Menangani Gaya Pembelajaran Visual, Auditori Dan Kinestetik (VAK) Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Di Program Pendidikan Inklusif Sekolah Menengah Di Malaysia. *Journal of Human Capital Development*, 16(2), 1-17.
- Asiah Hj. Ahmad. (2012). *Mengenal dan Menangani Orang Kurang Upaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khas, B. P. (2007). *Maklumat Pendidikan Khas*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Benita, M., & Matos, L. (2021). Internalization of Mastery Goals: The Differential Effect of Teachers' Autonomy Support and Control. *Front. Psychol*, 11: 1-14.
- Byrd, D. R., & Alexander, M. (2020). Investigating special education teachers' knowledge and skills: Preparing general teacher preparation for professional development. *Journal of Pedagogical Research*, 4(2), 72-82. <http://dx.doi.org/10.33902/JPR.2020059790>
- Caroline@Lorena, D., & Ambotang, A. S. (2014). Profesionalisme Guru Novis dalam Pengurusan Pengetahuan, Kesiediaan Mengajar dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Terhadap Pelaksanaan Pengajaran di Sekolah. Prosiding Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014, Universiti Malaysia Sabah, 1-15.
- Donnelly, H. K., Solberg, V. S. H., Shavers, E. I., Howard, K. A. S., Ismail, B., & Nieves, H. (2022). Support and Perceptions of Teachers Working with Students with Special Needs during the COVID-19 Pandemic. *Education Sciences*, 12(8), 531-542. <https://doi.org/10.3390/educsci12080531>
- Dzulkifli, I., Suhid, A., Mohd Fakhruddin, F., & Ahmad, N. A. (2021). Activity-based teaching of Quran For Deaf Students In The Special Education Integration Program. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 29(1), 91-106.
- Elhoshi, E. R. F, Embong, R., & Bioumy, N. (2017). The Role of Teachers in Infusing Islamic Values and Ethics. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(5), 426-436.
- Goh, P. S. C., Qismullah, Y., & Wong, K. T. (2017). Lived Experience: Perceptions of Competency of Novice Teachers. *International Journal of Instructions*, 37(7), 58-70.
- Gordon, M. (2021). Assessing the Needs of Students with Disabilities: Innovative Practices. *Journal of Special Education*, 55(2), 85-95.
- Gremmen, M. C., Van den Berg, Y. H., Segers, E. & Cillessen, A. H. (2016). Considerations for Classroom Seating Arrangements and The Role of Teacher Characteristics and Beliefs. *Social Psychology of Education*, 19(4), 749-774.
- Gyasi, M. N. K, Okrah, A. K., & Anku, J. S. A. (2020). Teachers' Knowledge of Special Educational Needs and Disability Students and Their Classroom Management Approaches. *World Journal of Education*, 11(4), 160-172. <https://doi.org/10.5430/wje.v10n4p160>
- Hinduja, P. (2021). From Behaviorism to Constructivism in Teaching-Learning Process. *Journal of Education & Social Sciences*. 9, 111-122.
- Khaldun, I. (2023). *Mukadimah Edisi Bahasa Melayu (Muqaddimah)*. Biblio Press.
- Ikbali, T. (2023). Aligning Teacher Education with the Transformative Vision of NEP 2020: Implications for Pedagogy and Teacher Development. *International Journal of Research Culture Society*, 7(9), 36-45. <https://doi.org/doi:10.2017/IJRCS/202309006>
- Institut Aminuddin Baki. (2017). Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad Ke-21. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Iywon, V. P., & Nasri, N. M. (2020). Tahap Kesiediaan Dan Sokongan Bagi Pelaksanaan Pendekatan Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pengajaran dan

- Pembelajaran Guru Sekolah Rendah. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(4), 489-508.
- Jamila, K. A., Mohamed Kutty, Mohd Hanafi Mohd Yasin, & Rosadah Abd. Majid. (2012). Pelaksanaan Pengajaran Kemahiran Membaca Dan Menulis Dalam Bahasa Melayu Bagi Murid Prasekolah Bermasalah Pendengaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 111-127.
- Kamaruddin & Patak, A. A. (2018). The Role of Islamic Education Teachers in Instilling Student Discipline. *International Journal on Advanced Science Education and Religion*, 2, 15-26.
- Dewan, K. (2015). Edisi Ke-6. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lewis, G. M. (2014). Implementing a reform-oriented pedagogy: challenges for novice secondary mathematics teachers. *Mathematics Education Research Journal*, 26, 399–419.
- Machost, H., & Stains, M. (2023). Reflective Practices in Education: A Primer for Practitioners. *CBE Life Sciences Education*, 22, 1-11.
- Awang, M. H. (2017). *Penghayatan Fardu Ain Remaja Pekak Di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohd Siraj, M. A. M., Rami, A. A., Aziz, N. A. A., & Anuar, M. A. M. (2023). Hubungan Gaya Kepemimpinan Transformasional dan Instruksional Guru Besar dengan Motivasi Guru. *International Journal of Education and Training (InjET)*, Khas (9), 1-11.
- Othman, M. S. & Kassim, A. Y. (2017). Pelaksanaan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Menerusi Kaedah Penyoalan Berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 7(1), 1-9.
- Molina Roldán, S., Marauri, J., Aubert A., & Flecha, R. (2021) How Inclusive Interactive Learning Environments Benefit Students Without Special Needs. *Front. Psychol.*, 12,:661427. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.661427>
- Abdullah, M., Abdullah, A. H., Hehsan, A. & Ilias, M. F. (2018). Karakteristik Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) Al-Quran. *e-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 5(1), 81-93.
- Nagler, K. S. (2016). Effective Classroom-Management & Positive. Teaching. *English Language Teaching*, 9(1), 163-172
- Noor A. Y. M. (2016). Cabaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran Braille di Kompleks Malaysian Assosiation for the Blind (MAB). *Islamiyyat*, 38(1),15-24.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, & Wong Kiet Wah. (2010). *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru (Siri Pendidikan Guru)*. Pustaka Fajar.
- Ntinda, K., Thwala, S. K., & Tfus, B. (2019). Experiences of Teachers of Deaf and Hard-of-Hearing Students' in a Special Needs School: An Exploratory Study. *Journal of Education and Training Studies*, 7(7), 78-89.
- Odom, A. L., & Bell, C. V. (2015). Associations of middle school student science achievement and attitudes and science with student-reported frequency of teacher lecture demonstrations and student-centered learning. *International Journal of Environmental & Science Education*, 10(1), 87–97.
- Prakash Jagtap. (2016). Teachers Role as Facilitator in Learning. *Scholarly Research Journal for Humanity Science & English Language*, 3(17), 3903-3905.
- Rajikal, W., & Hamzah, M. I. (2020). Kajian Sistematis Pengajaran Abad Ke-21 (PAK21) Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam. Systematic Review of 21st Century Teaching Among

- Islamic Education Teachers. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 103-113.
- Razak, A. S., Khalid, I. K. M., & Omar, J. (2023). Amalan Pedagogi Abad ke-21 (PAK21) dalam Pengajaran Pendidikan Seni Visual Secara dalam Talian. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 5(3), 241-253.
- Ruth, R. (2020). *The value and impact of informal learning on the professional development of teachers in Further Education*. Masters thesis, University of Sunderland.
- Saidi, S. (2022). The role of education psychology for learning. *Journal of Positive Psychology & Wellbeing*, 6(1), 1946-1953.
- Saripudin, D., & Komalasari, K. (2015). Living values education in school habituation program and its effect on student character development. *The New Educational Review*. 39, 51-62.
- Suhid, A., Naser, M., Ahmad, A., Abah, N., Jusoh, R., & Zaremohzzabieh, Z. (2021). Challenges and readiness of Islamic education teachers in innovative teaching and learning. *Jurnal Ilmiah Peuradeun*, 9(2), 293-308.
- Su Ling, L., Pang, V., & Lajium, D. (2020). A case study of teachers' pedagogical content knowledge in the implementation of integrated STEM education. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 10(1), 49–64.
- Tengku Kasim, T. S. A., & Abdurajak, F. S. (2018). Pengalaman pengajaran guru novis pendidikan Islam, implikasi terhadap reka bentuk kurikulum latihan pendidikan guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 59-66.